

Isu PM-Dr.M perlu selesai cara keluarga

KUALA LUMPUR 23 Okt. - Majlis Bekas Wakil Rakyat (Mubarak) mahu bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyelesaikan masalahnya dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melalui semangat kekeluargaan.

Pemangku Presiden Mubarak, Datuk Abu Zahar Ujang berkata, langkah itu perlu kerana terdapat pihak-pihak tertentu pada masa ini cuba mengambil kesempatan sekiranya Dr. Mahathir terus-menerus mengkritik kerajaan secara terbuka.

Beliau berkata, pihak terbabit khususnya media asing hanya menunggu masa untuk memanipulasi situasi tersebut jika kritikan secara terbuka diteruskan.

"Mubarak mahu pihak terbabit dalam pertikaian ini menyelesaikan setiap masalah yang timbul mengikut semangat kekeluargaan. Janganlah kita sengaja menyatakannya secara terbuka.

"Sebenarnya Mubarak mahu mereka berdamai. Sebab itu kita berusaha menemukan mereka. Kami percaya melalui pertemuan, isu berbangkit selama ini dapat diselesaikan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas pertemuan antara Abdullah dan Dr. Mahathir di kediaman rasmi Perdana Menteri di Kompleks Sri Perdana di sini semalam.

Utusan Malaysia difahamkan pertemuan dua jam itu berlangsung dalam suasana mesra dan pemerhati menyifatkan ia diadakan tepat pada masanya dalam semangat Ramadan dan Aidilfitri yang menjelang tiba.

Dilema

Bagaimanapun, Dr. Mahathir hari ini telah mengkritik semula kepimpinan Abdullah pada satu sidang media yang diadakan di kediamannya di Seri Kemangan dekat sini.

Abu Zahar berkata, tidak dinafikan sejak berlakunya konflik antara Abdullah dan Dr. Mahathir, ia telah membuatkan masyarakat khususnya orang Melayu berada dalam dilema.

"Datuk Seri (Abdullah) merupakan seorang Perdana Menteri yang dipilih oleh rakyat manakala Tun (Dr. Mahathir) pula merupakan seorang negarawan yang telah berjasa kepada kita.

"Mahu tidak mahu isu ini perlu diselesaikan segera. Jika keadaan seperti ini dibiarkan berlarutan ia bukan sahaja menjejaskan perpaduan orang Melayu secara keseluruhan malah perpaduan ahli UMNO juga boleh terjejas," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berharap mereka berdua akan cuba menyelesaikan setiap isu yang timbul selepas ini dengan pendekatan muzakarah.

"Apabila berlaku pertemuan pasti akan disusuli muzakarah. Kebiasaannya melalui pendekatan ini (muzakarah) ia boleh menghasilkan satu keputusan yang baik," ujarnya.

Beliau turut mengakui sekiranya konflik antara Abdullah dan Dr. Mahathir berjaya diselesaikan, pemerintahan negara akan lebih mantap sekali gus ia boleh menghalang hasrat pihak-pihak tertentu untuk mengganggu gugat kestabilan negara.

Beliau berkata, Mubarak turut menghargai sokongan dan perangsang yang telah diberikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad.